

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN DESA**

Jalan Desa Bakti, Taman Desa, 58100 KUALA LUMPUR

Tel : 03-79823058

Fax : 03-79847314

Laman Web : <http://www.smktamandesa.edu.my>

Ruj kami : SMKTD / O7 / 05 / 001

Tarikh: 26 SEPTEMBER 2011

Kepada,
Ibu bapa / Penjaga Pelajar,
SMK Taman Desa,
58100 Kuala Lumpur.

Tuan / Puan,
Cuti Sempena Peperiksaan PMR 2011

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa peperiksaan PMR tahun 2011 akan berlangsung mulai 4 Oktober hingga 11 Oktober 2011. Sehubungan dengan itu, cuti untuk pelajar-pelajar sesi pagi dan sesi petang sekolah ini telah diatur seperti yang berikut:

Tarikh	Hari	Tingkatan Bercuti (pagi)	Tingkatan Bersekolah (pagi)	Tingkatan Bercuti (petang)	Tingkatan Bersekolah (petang)
4, 5, 6 Oktober	Selasa hingga Khamis	Tingkatan 5K3, 5K4 & 5K5	Tingkatan 3 (PMR) Semua tingkatan 4 & 6	Tingkatan Peralihan & 2	Tingkatan 1
7, 10 & 11 Oktober	Jumaat, Isnin dan Selasa	Tingkatan 5S1, 5S2, 5K1 & 5K2	Tingkatan 3 (PMR) Semua tingkatan 4 & 6	Tingkatan 1	Tingkatan Peralihan & 2
12/10	RABU	Semua pelajar hadir ke sekolah seperti biasa			

2. Untuk pengetahuan tuan / puan, cuti ini terpaksa diberi kepada pelajar-pelajar memandangkan ramai guru yang terlibat sebagai pengawas peperiksaan dan bilik-bilik darjah digunakan sebagai pusat peperiksaan. Kelas-kelas yang hadir ke sekolah semasa tempoh PMR akan disusun semula kedudukan kelasnya mengikut kesesuaian nanti.

3. Sepanjang tempoh bercuti ini, pelajar-pelajar dikehendaki mengulang kaji pelajaran di rumah dan membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

En. Gan Peng Kheang
Pengetua
SMK Taman Desa
Kuala Lumpur